

Empangan Muda makin mengecil

SYAJARATULHUDA ROSLI

GEORGETOWN- Kawasan tadahan air di Empangan Muda, Ulu Muda di Kedah kini semakin mengecil berikutan aktiviti penebangan hutan yang makin banyak dijalankan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Datuk Jaseni Maidinsa berkata, empangan yang menyalurkan air ke tiga negeri iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis itu kini semakin mengecil sebanyak 87.3 peratus.

Menurutnya, pada tahun pertama Empangan Muda dibuka iaitu 1969, keluasan kawasan tadahan airnya dilaporkan 98,400 hektar.

Pada tahun 2008, kawasan tadahaninya semakin mengecil dengan keluasan 22,611 hektar dan terkini (2017), keluasannya hanya 12,484 hektar. Kawasan itu seolah-olah mengecil yang mana, kawasan pengeluaran kayu semakin bertambah besar. Perkara ini amat membimbangkan khususnya pada

musim kemarau.

"Sehubungan itu Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mestilah bertindak sekarang untuk mengeceh lebih banyak penebangan hutan. Jika tidak, ia akan dianggap sebagai 'penyokong' kepada kerusuhan hutan hujan," katanya kepada media semalam.

Jaseni berkata, mengikut laporan Jabatan Perhutanan Kedah pada 2008, tadahan air yang diwartakan untuk empangan ini adalah 22.611 hektar, manakala 78,052 hektar kawasan hutan di kawasan Ulu Muda yang berhampiran telah diperuntukkan untuk pengeluaran balak.

"Pada Ogos lalu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan bahawa hanya 12,484 hektar daripada 106,418 hektar Hutan Simpan Ulu Muda diwartakan sebagai tadahan air hutan. Namun, menghairankan apabila kawasan tadahan air untuk Empangan Muda telah berkurang sebanyak 87.3 peratus (98,400 hektar) kepada 12,484 hektar pada tahun ini.

Jaseni menunjukkan gambar aktiviti penebangan hutan di Ulu Muda.



"Statistik ini menunjukkan trend membimbangkan dan berbahaya di Ulu Muda. Apa yang boleh dilihat, lebih banyak lagi kawasan di Ulu Muda telah dibuka untuk aktiviti pembalakan, termasuk tanah hutan yang pada awalnya dikenal pasti sebagai kawasan tadahan air," katanya.

Beliau menambah, dengan aktiviti pembalakan di Ulu Muda itu, ia mencejaskan kuantiti dan kualiti air yang disimpan di Empangan Muda.

"Empangan Muda adalah rizab kemarau penting bagi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dengan kapasiti maksimumnya, 160 bilion liter. Pembalakan kawasan tadahan air Empangan Muda di Ulu Muda akan menjelaskan prestasi empangan sebagai rizab kemarau strategik bagi tiga negeri ini, melibatkan 4.09 juta penduduk serta syarikat perkilangan dan perniagaan lain.

"Sehubungan itu, PBAPP berpendapat, kerajaan Pusat perlu campur tangan kerana, Kedah tidak akan

secara sukarela menghentikan pembalakan di Ulu Muda tanpa campur tangan Pusat. Ini kerana, Kedah menganggap kebanyakan hutan hujan di Ulu Muda merupakan sumber pendapatan melalui pembalakan, bukannya kawasan tadahan air kritis atau sumber eko-pelancongan," katanya.

Beliau menambah, penyelesaian terbaik bagi isu pembalakan Ulu Muda adalah dengan pemberian pampasan kepada Kedah.

"Dengan pemberian pampasan oleh kerajaan Pusat kepada Kedah untuk mewartakan dan memulihara Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air yang paling penting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), ia dilihat satu jalan penyelesaian kepada masalah ini.

"Kerajaan Pusat perlu campur tangan isu di Ulu Muda sebelum terlambat. Ahli hidrologi, jurutera dan pakar juga perlu dilantik untuk menentukan kesan penebangan di kawasan tadahan air di kawasan tersebut," katanya.